

Geologi makin diminati

» *Permintaan terhadap kepakaran graduan geologi terus meningkat dan semakin penting*

Kuala Lumpur: Geologi atau 'sains mengenai bumi' adalah satu bidang pengajian yang sangat menarik untuk diteroka kerana ia bukan saja mampu merangsang pemikiran seseorang individu malah turut menjanjikan profesion yang menawarkan pendapatan agak lumayan.

Berikutan populasi penduduk bumi yang semakin bertambah, kualiti alam sekitar yang semakin merosot serta keperluan dan permintaan terhadap sumber bumi juga semakin meningkat sekaligus menjadikan permintaan terhadap kepakaran geologi menjadi semakin relevan dan penting.

Bidang geologi menggabungkan pengetahuan Matematik, Kimia, Fizik dan Biologi untuk sampai kepada fungsinya yang utama dan dinamik iaitu mencari sumber bumi seperti air tanah, mineral logam, petroleum mentah,

gas asli, mineral radioaktif dan bahan binaan yang diperlukan untuk membangunkan peradaban manusia.

Antara universiti di negara ini yang menawarkan program pengajian dalam bidang geosains ialah Universiti Teknologi Petronas (UTP) melalui Fakulti Geosains dan Kejuruteraan Petroleum serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Fakulti Sains dan Teknologi.

Pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang ini boleh membuat pilihan untuk mengikuti program pengkhususan yang mereka minati sama ada geologi tulen, petroleum, perlombongan, kejuru-

teraan, kuaterner, sekitaran atau pemuliharaan dan pelancongan.

Pelbagai peluang kerjaya

Terdapat pelbagai peluang kerjaya menanti graduan dalam bidang ini antaranya mereka boleh bekerja sebagai ahli geologi atau geosaintis di jabatan kerajaan atau syarikat swasta berdasarkan pengkhususan sub-disiplin geosains dan antara yang paling popular ialah geologis kejuruteraan, petroleum, persekitaran, struktur dan perlombongan.

Kini, profesion sebagai ahli geologi turut bekerja seiring dengan jurutera awam dan geoteknik dalam menyediakan mak-

lumat geologi supaya pembinaan infrastruktur yang besar seperti empangan, jambatan, bangunan pencakar langit dan lapangan terbang dibina dalam keadaan selamat dan bersifat jimat kos.

Ahli geologi melalui bidang geologi sekitaran pula menjalankan tugas mengkaji penyebab geobencana seperti tanah runtuh, aliran lumpur, gempa bumi, tsunami, gunung berapi dan seumpamanya dan mencari jalan mengurangkan kerosakan dan membina sistem amaran sekiranya kejadian itu berulang.

Pemilihan bidang kerjaya geosaintis dipengaruhi beberapa faktor antaranya ialah minat dan kecenderungan, kelayakan dan kelulusan, gaji, sifat keperibadian serta waktu dan persekitaran di tempat kerja.



Geologi bidang pengajian menarik untuk diterokai. **GAMBAR HIASAN**